



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 29 Ogos 2025

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2025**

**PERMOHONAN DAN KEMUDAHAN MELANJUTKAN PENGAJIAN BAGI
PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL ATAS PENAJAAN
LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jabatan Arah LGM Bil. 11/2025 bertarikh 19 Ogos 2025 telah membuat keputusan bahawa permohonan pelanjutan pengajian ke peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD) bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut;

Bil	Tindakan Pegawai	Tempoh Masa
1.	Perbincangan dengan Pengarah Bahagian dan Ketua Unit bagi bidang pengajian/penyelidikan.	6 bulan Sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat Jabatan Arah (Berdasarkan Prosedur Kemudahan Cuti Belajar dan Penajaan LGM)
2.	Pembentangan bidang pengajian/penyelidikan kepada Mesyuarat Jabatan Arah.	12 bulan Sebelum memulakan pengajian
Keseluruhan Tempoh Permohonan Melanjutkan Pengajian		18 bulan

3. Had umur bagi melayakkan untuk melanjutkan pengajian adalah seperti berikut:

Bil	Kemudahan Melanjutkan Pengajian	Peringkat Pengajian	Had Umur * (Pada Tarikh Memulakan Pengajian)
1.	Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa	Sarjana	46 tahun
		PhD	44 tahun
2.	Cuti Belajar Tanpa Gaji	Sarjana	46 tahun
		PhD	44 tahun
3.	Pengajian secara separuh masa (Skim Separa Biasiswa Tanpa Cuti Belajar)	Sarjana	50 tahun
		PhD	46 tahun

* Tidak melebihi had umur yang ditetapkan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan semula Prosedur Kemudahan Cuti Belajar dan Penajaan LGM yang telah dikeluarkan melalui Kenyataan UPSM Bil. 24 Tahun 2023 bertarikh 28 Disember 2023 untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)